

20 Januari 2018

Dua ditahan, syabu bernilai RM1.48 juta dirampas

Dua ditahan, syabu bernilai RM1.48 juta dirampas

BUKIT MERTAJAM 19 Jan. - Polis berjaya mematahkan satu sindiket pengedaran dadah di negeri ini selepas merampas kira-kira 21 kilogram syabu yang dianggarkan bernilai RM1.48 juta dalam serbuan di sebuah restoran makanan segera di Jalan Jelawat, di sini malam tadi.

Ketua Polis negeri, Datuk A. Thaiveegan berkata, dalam serbuan kira-kira pukul 11.40 malam tadi, pihaknya menahan sebuah kereta jenis BMW yang dinaiki dua lelaki Cina masing-masing berusia 38 dan 51 tahun.

Ujar beliau, pemeriksaan lanjut di dalam kereta mewah itu menemukan sebanyak 20 pekot plastik lut sinar berisi kristal disyaki dadah jenis syabu yang disorok dalam 20 bungkusan surat khabar.

"Kita percaya dadah yang dibawa kedua-dua suspek itu untuk diedarkan di negeri ini dan



A. THAIVEEGAN (tengah) menunjukkan sebahagian daripada bungkusan syabu yang dirampas ketika sidang akhbar di Bukit Mertajam, Pulau Pinang, semalam. -UTUSAN/SAZALI CHE DIN

negeri-negeri berjiran dan polis kini sedang menyiasat sumber dadah itu diperolehi.

"Jumlah dadah itu jika berjaya diedarkan boleh disalahgunakan kira-kira 210,700 penagih," katanya dalam sidang akhbar di sini

hari ini.

Ujarnya, kedua-dua suspek yang berasal dari Perlis dan Kedah itu kini ditahan reman sehingga 25 Januari ini dan kes tersebut disiasat mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.